



Mengurus pelancongan sempadan Malaysia-Thailand: Kesepaduan atau konflik

Habibah Ahmad¹, Hamzah Jusoh¹, Er Ah Choy¹, Amriah Buang¹, Sivapalan Selvadurai¹,
Nur Farahin Zainuddin¹, Mohd Kamarulnizam Abdullah², Sri Winarni Samsir¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
²College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia

Correspondence: Habibah Ahmad (email: ha@ukm.edu.my)

Abstrak

Pelancongan sempadan semakin mendapat perhatian daripada pelbagai pihak pemegang taruh dalam arena pengurusan sempadan antarabangsa. Sempadan Malaysia-Thailand, yang merangkumi kawasan Padang Besar/ Perlis-Padang Besar/ Wilayah Songkhla sehinggalah ke Rantau Panjang/ Kelantan-Daerah Sungai Kolok/ Wilayah Narathiwat memiliki pelbagai tarikan dan produk pelancongan seperti bandar membeli-belah sempadan yang teratur dengan tarikan premis berskala kecil dan perkhidmatan pelancongan yang informal. Pelancongan sempadan juga dilengkapi dengan struktur pembekal pelancongan yang kompleks, yang menimbulkan konflik antara keperluan dan minat pelancong. Keadaan ini telah merumitkan pembentukan imej pelancongan sempadan, dan memberikan cabaran yang besar kepada pelaksanaan pengurusan pelancongan sempadan. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah kesepaduan dan konflik yang wujud dalam isu-isu pelancongan sempadan Malaysia-Thailand. Berdasarkan kajian awal yang menggunakan gabungan data sekunder dan primer daripada kajian lapangan, dalam tempoh Disember 2012 hingga April 2013, kajian ini mendapati salah satu isu konflik adalah imej pelancongan sempadan yang tidak jelas yang dikongsi bersama pembekal pelancongan serta kurangnya pemahaman pelancongan sempadan dalam kalangan pihak yang berkepentingan. Sementara isu kesepaduan pula melibatkan hubungan sosial dan budaya serta penempatan komuniti sempadan. Beberapa cadangan bagi menguruskan pelancongan sempadan yang merentasi isu-isu kesepaduan dan konflik telah disimpulkan di dalam kertas kerja ini.

Katakunci: keselamatan, kesepaduan, konflik, Malaysia-Thailand, membeli-belah, pelancongan sempadan

Managing border tourism Malaysia-Thailand: Cohesion or conflict

Abstract

Border tourism is one of the growing sectors in international borderland management. The Malaysia-Thailand border, which strikes from Padang Besar/Perlis - Padang Besar/Songkhla Province to Rantau Panjang/Kelantan - Sungai Kolok District/Narathiwat Province has several sites of tourism attractions and products. It ranges from an organised border shopping town to a small scale and informal tourism services. As a result, border tourism is filled with a complex structure of tourism providers and divergence of tourists' needs and interests. This situation further complicates the image of border tourism, hence, making a border tourism management a big challenge. This paper aims to identify what are the diverging and converging issues of border tourism in the Malaysia-Thailand borderland. Based on the preliminary study using a mix method in December 2012 to April 2013, results of the study reveal that diverging issues include the unclear image of border tourism shared with the tourism providers and lack of understanding of border tourism among stakeholders. The converging issues, on the other hand, are the social and cultural ties and localisation of the border community. Suggestions on managing border tourism that intercept the diverging and converging issues concluded this paper.

Keywords: border tourism, cohesion, conflict, Malaysia-Thailand, safety, shopping

Pengenalan

Pelancongan sempadan semakin mendapat perhatian pelbagai pihak berkepentingan dalam arena antarabangsa pengurusan sempadan antara negara. Di negara-negara yang bersempadan, langkah untuk membangunkan pelancongan sempadan menjangkau isu pelancongan membeli-belah, pelancongan berasaskan sumber dan konservasi, keuntungan secara saksama dan gelagat pelancong sempadan yang diungkap secara bijaksana dan komprehensif (Carson & Macbeth, 2005; Gelbman, 2011; Taczanowska, 2004; Timothy & Butler, 1995; Weidenfeld, 2013). Dalam kalangan negara rantau ASEAN, walaupun kerjasama dalam sektor pelancongan telah lama terjalin terutama bagi mempromosikan ASEAN, namun pelancongan sempadan masih belum diterokai sepenuhnya (Habibah, 1994). Setakat ini, kajian Asan Ali et al. (2009), Johan & Mohamad Zaki (2010), Din (2009), Som et al. (2005), dan Habibah et al. (2013) adalah antara inisiatif pengkajian tentang kawasan sempadan sebagai kawasan tarikan pelancongan.

Sempadan, umumnya bermaksud garis pemisahan antara dua kawasan atau ruang yang bersempadan bukan sahaja dari segi sistem kerajaan, tetapi juga mencakupi struktur ekonomi dan sosial, termasuk cara hidup masyarakatnya. Sempadan antara dua negara lazimnya dipisahkan melalui mekanisme alam semula jadi seperti sungai, gunung dan banjaran serta hutan. Kini, ia lebih banyak dikemukakan sebagai garis pemisah berdasarkan perundangan antara dua negara, dan kawalan perundangan antarabangsa. Dalam konteks pelancongan, sempadan merupakan satu dimensi ruang yang mampu menawarkan kelainan sosial dan ragam kehidupan yang berupaya menawarkan pengalaman baru dan berbeza yang dicari oleh seseorang yang merentasi sempadan kawasan. Dalam masa yang sama, ia merupakan kawasan yang perlu dielakkan bagi mengurangkan risiko semasa melancong. Dalam hal ini, sempadan berupaya menjadi magnet atau tarikan kepada aktiviti pelancongan atau halangan kepada kegiatan pelancongan.

Pelancongan sempadan, sama ada dibangunkan sebagai pelancongan membeli-belah, pelancongan komuniti atau pelancongan semula jadi kini semakin mendapat perhatian disebabkan beberapa faktor yang saling menguntungkan dua kawasan atau negara yang bersempadan. Ini termasuk menjadi penjana untuk membangunkan kawasan terpinggir, dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada kawasan dan tenaga kerja luar bandar serta menjadi pencetus ekonomi SME. Ia juga meningkatkan kesepaduan sosial antara masyarakat dan komuniti yang tinggal bersebelahan antara dua kawasan dan negara. Kini, pihak-pihak berkepentingan antara dua negara perlu memainkan peranan dalam mengenal pasti kawasan sempadan yang boleh dijadikan kawasan tarikan pelancongan.

Dalam konteks ASEAN, persempadanan Malaysia-Thailand adalah di antara kawasan yang dikenal pasti berupaya menggalakkan pelancongan sempadan. Bermula daripada sempadan Padang Besar-Padang Basa sehinggalah sempadan Rantau Panjang di Kelantan, pelancongan sempadan merupakan satu sektor yang mampu berkembang pesat jika diurus tadbir secara bijaksana dan berupaya menjana keuntungan kepada kedua belah pihak. Berdasarkan pengamatan dan karya yang ada setakat ini, pelancongan sempadan dihujahkan sebagai menguntungkan sebelah pihak sahaja. Dalam jangka masa panjang, pelancongan sempadan secara berterusan akan mengundang konflik berbanding kesepaduan antara kedua belah pihak dan komuniti antara dua buah negara.

Dalam pada itu, resolusi dan alternatif untuk membentuk Komuniti ASEAN 2015 dan Ekonomi ASEAN 2015 sebagai platform baru meningkatkan daya saing negara, penawaran dan kepenggunaan terus dilakukan demi masyarakat yang mempunyai jumlah penduduk lebih daripada satu billion orang. Apatah lagi kini, para pelancong yang pernah mengunjungi destinasi ini sering menulis dalam blog dan laman sesawang mereka tentang pengalaman mereka sebagai usaha menarik lebih banyak pelancong turut mengunjungi rantau ini. Bagaimanapun, terdapat pelancong yang menulis tentang pengalaman buruk mereka semasa berada di destinasi, justeru menjadi satu penghadang kepada kunjungan pelancong-pelancong lain. Ringkasnya, dalam masa yang sama juga, ia membentuk konflik yang menghalang para pelancong mengunjungi destinasi-destinasi ini.

Berasaskan situasi di atas, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah dimensi yang terbentuk daripada pengalaman mereka apabila melancong di kawasan sempadan ini. Dengan gabungan kajian pemerhatian di lapangan dan analisis kandungan ke atas blog pelancongan sempadan oleh para pelancong

maya, makalah ini mengemukakan dimensi pelancongan sempadan antara Malaysia-Thailand sama ada ia mengarah kepada suatu kesepaduan atau konflik.

Perspektif sempadan dalam pelancongan

Dalam usaha untuk memahami konsep sempadan dan pelancongan sempadan, beberapa karya tentang kajian sempadan dan kajian pelancongan sempadan telah disoroti. Ini membantu pengkaji mengenal pasti dua perspektif utama kesepaduan dan konflik dalam mendalami pelancongan sempadan.

Sempadan sebagai tarikan pelancongan

Sempadan atau persempadanan lazimnya berkait dengan kedaulatan undang-undang sesebuah negara yang dijadikan sebagai garis panduan untuk mentadbir negeri atau kawasan di bawah jajahan masing-masing. Sempadan yang membentuk pemisah antara dua ideologi politik atau governans, juga kerap kali merujuk sempadan fizikal, sungai, hutan, gunung dan banjaran sebagai pemisah antara kawasan, meskipun pemisahan daratan adalah tidak terkecuali. Kadang kala, kawasan sempadan mempunyai daya tarikan tertentu, yang kian menjana kepelbagaian dalam aktiviti pelancongan sempadan.

Terdapat dua perspektif tentang pengurusan pelancongan sempadan. Pertama, kawasan yang bersempadanan diurus secara sempadan lunak (*soft border*), iaitu ia mendorong sempadan negara diurus secara manusiawi, membebaskan dan lebih produktif bagi demokrasi. Perspektif *soft borders* – sebagai antitesis dari *hard borders* yang mana ia lebih banyak mendokong kepada kemudahan dan legalisasi lalu lintas, pertukaran, transaksi dan segala bentuk aktiviti produktif lintas sempadan sebagai elemen penyangga kedaulatan nasional dan demokrasi dalam sistem global. Semangat yang mendasari perspektif ini adalah sempadan negara tidak boleh membatasi dan memenjarakan warga negara dalam kawasan nasional, tetapi menjadi ruang yang boleh membebaskan dan menyuburkan pertukaran gagasan lintas sempadan negara.

Dalam bidang pelancongan khususnya, sempadan boleh ditafsirkan kepada dua dimensi iaitu sebagai tarikan kepada pelancongan dan sebagai halangan kepada pelancongan. Sebagai tarikan kepada pelancongan, pelancongan sempadan ditakrifkan dari tiga dimensi yang berbeza oleh Matznetter (1979) iaitu 1) Situasi yang mana dua kawasan terhubung antara satu sama lain, 2) keadaan di mana kawasan pelancongan berkait dengan sempadan, tetapi hanya satu kawasan sahaja yang mendapat manfaat dan dimajukan, 3) keadaan yang menggabungkan kedua-dua kawasan dan menggalakkan kunjungan pelancong bagi kedua-dua belah tarikan pelancongan. Dalam situasi yang pertama, sempadan merupakan satu halangan atau titik transit kepada satu perjalanan yang lebih jauh bagi kawasan pelancong di salah sebuah destinasi antara negara/kawasan. Bagi situasi kedua, pelancongan hanya berkembang di salah satu kawasan sempadan sahaja, dan yang ketiga, situasi ini menggalakkan pelancong untuk menyeberangi sempadan bagi mengunjungi destinasi yang terdapat di kedua-dua kawasan.

Sementara itu, terdapat pandangan bahawa pelancongan sempadan merujuk kepada kawasan yang menawarkan satu kelompok sosial atau komuniti yang berkongsi sistem budaya, ekonomi dan sosial. Bagi perspektif ini, sempadan memberi ruang kepada penggalakan pemajuan kawasan kurang membangun atau jauh daripada kawasan pembangunan perdana sesebuah negara. Beberapa pengkaji pula menyifatkan pelancongan sempadan sebagai pintu masuk kepada sesuatu destinasi pelancongan. Dalam konteks ini, pelancongan sempadan dianggap sebagai halangan kepada pelancongan kerana ia melebarkan lagi kawasan yang perlu direntasi atau ditempuhi untuk mengunjungi sesebuah destinasi dalam sesebuah negara lain. Halangan ini berbentuk kawasan fizikal, dan buatan manusia termasuk kawalan imigresen dan ia mengambil masa yang agak lama untuk melawat destinasi di seluruh negara. Dalam pada itu, terdapat pandangan bahawa pelancongan sempadan merupakan pelancongan eksklusif antarabangsa. Erikson (1979) menunjukkan bahawa tahap daya tarikan kawasan sempadan bergantung pada keadaan alam sekitar, sosial dan budaya di kawasan sempadan tersebut.

Pelancongan membeli-belah

Pelancongan membeli-belah sempadan kini merupakan salah satu daripada produk pelancongan utama dunia. Bagi sesetengah negara seperti Amerika Syarikat, Kanada dan China, pelancongan membeli-belah menyumbang kepada suntikan ekonomi runcit dan borong. Beberapa sarjana berpandangan, sempadan sebagai satu tempat untuk membeli-belah atau pusat perkembangan ekonomi sudah wujud berabad-abad lamanya. Ia juga telah menjadi tempat pilihan para pelancong seluruh dunia (Oh et al., 2004; Robertson & Fennel, 2007). Beberapa kajian mengesahkan bahawa masa lapang untuk aktiviti membeli-belah sering kali melibatkan golongan yang mempunyai pendapatan yang tinggi dan bilangan anak sedikit, serta mempunyai tanggapan negatif terhadap produk yang dijual di kawasan asal mereka berbanding dengan kawasan sempadan (Herrman & Belk, 1968; Rosenbaum & Spears, 2005).


Aktiviti membeli-belah berlaku apabila pelancong merentasi sesuatu kawasan sempadan untuk pergi ke negara yang dituju. Pelancong yang pergi ke negara lain, pasti akan membeli sesuatu untuk dibawa pulang sebagai satu tanda mereka pernah melawati negara tersebut. Tosun et al. (2007), mendapati separuh dari pelancong di rantau Cappadocia dan Turki membelanjakan kira-kira US\$240 untuk aktiviti membeli-belah. Kajian ini juga mengenalpasti kunjungan pelancong ke kawasan sempadan adalah disebabkan mereka berminat untuk mendalami budaya di tempat baru, membeli-belah dan menikmati makanan yang tidak ada di kawasan asal mereka.

Sementara itu, kajian Michalko & Varadi (2004) melaporkan 27.3% pelancong asing yang mengunjungi Hungary pergi bagi tujuan membeli-belah. Hasil penyelidikan Denizci (2010) mendapati pelancong antarabangsa di negara China dan Hong Kong lebih memilih untuk pergi ke restoran, kedai kopi, spa, dan membeli cenderamata, seni dan kraf, dan kedai-kedai barang kemas. Fodness (1994) pula menonjolkan melawat rakan-rakan dan keluarga, mendalami budaya di sesuatu kawasan atau membeli-belah telah mempengaruhi keputusan perjalanan pelancong sempadan. Sementara itu, Timothy & Butler (1995) berhujah bahawa membeli-belah adalah aktiviti masa lapang yang paling ketara dalam aktiviti pelancongan sempadan.

Aktiviti membeli-belah di kawasan sempadan adalah pola yang terkenal di seluruh dunia dan aliran pelancongan ini berubah mengikut naik turun harga barangan dan nilai mata wang di negara-negara jiran. Ryan (1991) menekankan pertumbuhan pesat dalam aktiviti membeli-belah di Amerika Utara dan Eropah adalah sesuatu yang penting. Weigand (1990: dipetik dalam Timothy & Butler 1995), mendapati aktiviti membeli-belah di kawasan sempadan Denmark-Jerman kesan perjanjian Maastricht yang bertujuan untuk mengurangkan kesan cukai dan tarif antara anggota Komuniti Eropah. Di Kanada, aktiviti membeli-belah di kawasan sempadan didorong oleh faktor ekonomi dan keseronokan.

Pelancongan sempadan dan inisiatif ASEAN

Kerjasama pelancongan dalam kalangan negara anggota ASEAN telah berkembang dan dibangunkan lebih daripada empat dekad. Di peringkat kerajaan, kerjasama telah dimulakan dan progres dengan pencapaian yang pelbagai dalam kalangan ahli-ahli asalnya. Dengan lebih daripada 14 deklarasi dan perjanjian, percubaan ke arah Komuniti Ekonomi ASEAN 2015 tidak harus mengabaikan komuniti sempadan dan pelancongan sempadan. Usaha untuk menggalakkan pelancongan sempadan juga adalah seiring dengan peningkatan kedatangan pelancong ke ASEAN, memandangkan pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand merupakan medium pergerakan yang lazimnya dipilih pelancong untuk mengunjungi destinasi berdekatan (Rajah 1). Apa lagi, jika dilihat kedudukan daya saing destinasi Malaysia dan Thailand yang mempunyai ruang untuk ditambahbaik terutama dari segi aset budaya, sumber semula jadi, dan juga tarikan pelancongan seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.



Rajah 1. Pelancongan di ASEAN

Jadual 1. Indeks persaingan dalam pelancongan dan perjalanan ASEAN 2013, Skor mengikut komponen teras

TTCI 2013Pilar	Singapura	Malaysia	Thailand	Brunei Darussalam	Indonesia	Vietnam	Filipina	Kemboja
1. Undang-undang polisi dan dasar	6	5.3	4.4	3.7	4.3	4.6	4.7	3.6
2. Kemampanan Alam Sekitar	5.2	4.7	4.3	3.5	3.9	3.8	4.4	4.5
3. Keselamatan dan sekuriti	6.1	4.8	4.4	5.7	4.4	4.9	4.1	4.6
4. Kesihatan dan Kebersihan	5.3	4.6	4.3	4.9	2.9	4.5	3.8	1.9
5. Keutamaan dalam Travel dan Pelancongan	6.1	4.7	5	3.2	5.4	3.6	5.6	5.7
6. Infrastruktur Pengangkutan Udara	5.1	4.5	4.6	3.9	3.5	2.8	3	2.4
7. Infrastruktur Pengangkutan Darat	6.5	4.6	3.8	3.7	3.2	3	3.2	3.3
8. Infrastruktur Pelancongan	5	3.8	5.2	3.1	2.1	2.2	2.9	1.4
9. Infrastuktur ICT	5.4	3.5	2.6	3.2	2.7	3.2	2.5	2.1
10. Persaingan Harga	4.6	5.4	5	5.8	5.3	5.1	5.1	5.1
11. Sumber Manusia	6	5.4	4.9	5.2	4.9	4.8	4.7	4.6
12. Tarikan Perjalanan dan Pelancongan	5.7	5.4	5.4	4.7	4.2	4.3	4.9	5.3
13. Sumber Semulajadi	3.2	5.1	4.9	3.9	5.6	4	4.1	3.6
14. Sumber Budaya	3.6	3.9	3.6	1.8	3.5	4.1	2.1	1.6

Sumber: ASEAN Tourism Strategic Plan 2011 – 2015.

Beraskan literatur tentang pelancongan sempadan, kajian ini merujuk sempadan sebagai ruang untuk pelancongan membeli-belah yang mempunyai kelebihan bagi kedua belah pihak. Bandar-bandar sempadan dijangkakan mengarah kepada kesepaduan jika ia menggalakkan kepada peningkatan kegiatan

pelancongan sempadan dan ia dikatakan mengarah kepada konflik apabila wujud ciri-ciri yang bertentangan atau menghalang kepada kunjungan pelancong. Kerangka konsep ini menerangkan beberapa prinsip yang mendukung kepada pelancongan sempadan dan pertimbangan kepada kesepaduan dan konflik yang timbul dalam menguruskan pelancongan sempadan. Faktor-faktor yang mengarah kepada penyatuan adalah keselamatan sempadan, legasi politik, perhubungan fizikal, hubungan antara individu, keistimewaan, membeli-belah, makanan dan percutian, mata wang dan pertukaran, serta aliran bebas barangan dan perkhidmatan. Faktor-faktor yang mengarah kepada isu konflik adalah sempadan berisiko, tiada komitmen politik, kepuasan pelancong, keperluan pendaftaran secara sah, pasaran yang terpilih dan perbezaan budaya. Manakala, prinsip sempadan meliputi faktor-faktor seperti batasan atau sempadan fizikal, politik, ikatan budaya dan sosial, ekonomi, sumber serta pengguna dan pembekal (rujuk Rajah 2).

- i. Keselamatan. faktor keselamatan menjadi jaminan kepada kemasukan pelancong atau merentasi kawasan sempadan.
- ii. Legasi politik. Legasi politik dan hubungan kuasa tidak terkecuali mendekati kesepaduan antara kawasan yang bersempadan. Legasi ini sekiranya tidak berkesinambungan dalam era global, hubungan persaudaraan dan persanakan menambah ikatan legasi yang sedia ada.
- iii. Ketersampaian. Ketersampaian antara dua ruang bersempadan menentukan kesepaduan atau konflik. Faktor ketersampaian fizikal menjimatkan kos dan aliran pergerakan manusia, barangan dan pelancong.
- iv. Hubungan Mesra Tuan Rumah dan Pelancong. Dalam mana-mana destinasi pelancongan, hubungan mesra antara tuan rumah dan pelancong menjamin kepuasan.
- v. Keistimewaan Tarikan. Tarikan Membeli-belah, Makanan dan Percutian menjadi penentu kepada kunjungan pelancong
- vi. Pertukaran Mata wang. Pertukaran mata wang yang menguntungkan akan memberikan laluan kepada peningkatan kunjungan dan urusan traksaksi jual beli.
- vii. Kemudahan urusan keluar masuk. Urusan keluar masuk antara dua kawasan menjamin pilihan destinasi sempadan.

Gabungan faktor yang mengarah kepada kesepaduan dan konflik dijangka memesatkan aktiviti pelancongan sempadan bagi kedua-dua belah pihak, terutama kepada pembekal perkhidmatan pelancongan dan para pelancong.



Rajah 2. Kerangka konsep pelancongan sempadan


Metod kajian

Kawasan kajian

Kawasan kajian ini meliputi empat buah negeri dalam sempadan Malaysia-Thailand iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Manakala empat wilayah di Thailand yang terlibat adalah wilayah Satun, Songkhla, Yala dan Narathiwat (rujuk Rajah 3, Rajah 4 dan Jadual 2). Sempadan Malaysia-Thailand terdiri daripada kedua-dua sempadan tanah di seluruh Semenanjung Malaysia dan sempadan maritim di Selat Melaka dan Teluk Thailand / Laut China Selatan. Sempadan tanah adalah berdasarkan kepada perjanjian tahun 1909 antara Thailand (Siam) dan British yang menandakan bermula pengaruh British ke atas negeri-negeri Melayu di utara, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu pada abad ke-20 awal.

Data dan analisis

Kajian ini telah menggabungkan tiga tatacara bagi memperoleh dimensi pelancongan sempadan. Peringkat pertama menggunakan kaedah refleksi peribadi pengkaji berasaskan siri perjalanan ke destinasi ini. Untuk memberi kepastian kepada beberapa pekara yang berkaitan dengan kawasan yang dikaji, pengkaji telah menemu bual beberapa responden di kawasan kajian. Pada peringkat kedua, data yang terlibat adalah dari data berbentuk teks dan maklumat bertulis. Keperluan pembangunan yang disediakan dalam pelancongan sempadan telah mempengaruhi dan memberi kesan kepada kawasan-kawasan sempadan.



Sumber: Google map, 2014

Rajah 3. Peta Sempadan- sempadan Malaysia-Thailand

Kaedah kedua menggunakan analisis kandungan pengalaman penulis-penulis blog di destinasi pelancongan sempadan. Laman blog peribadi telah dikenal pasti melalui enjin carian Google menggunakan kata kunci yang relevan pada bulan Oktober 2013. Antaranya, pengalaman percutian di sempadan Thailand, pengalaman di bandar sempadan serta percutian di Malaysia-Thailand. Antara kawasan sempadan yang terlibat dalam kajian ini ialah Padang Besar, Bukit Kayu Hitam, Wang Kelian, Rantau Panjang, Pengkalan Hulu, Pengkalan Kubur, Durian Burung, Ban Danok, Betong, Ban Prakob dan Satun (rujuk Rajah 2 dan Jadual 2). Sebanyak 150 blog telah dikenalpasti, dan sebanyak 34 blog yang tidak mengandungi pengalaman di sempadan Malaysia-Thailand telah dikecualikan daripada analisis.

Baki 116 blog peribadi yang menceritakan pengalaman berada di bandar sempadan telah diletakkan di dalam fail untuk analisis kandungan tema-tema penulisan mereka.

Jadual 3 mengemukakan latar belakang subjek kajian yang meliputi destinasi sempadan dan jantina penulis blog. Teks yang terkandung dalam 116 blog tersebut dianalisis terutama dalam mengesan faktor kesepaduan dan faktor konflik bandar sempadan. Perkataan tertentu yang biasa digunakan dalam menggambarkan perjalanan ke sempadan adalah seperti subtema yang meliputi daerah sempadan, membeli-belah, makanan, kemudahan penginapan, imigresen, dan pihak berkuasa. Dalam konteks ini, NVivo yang merupakan satu perisian untuk menganalisis data kualitatif telah digunakan untuk melaksanakan analisis kandungan data kajian ini.

Kaedah ketiga adalah berasaskan kunjungan penulis di beberapa destinasi kajian terpilih. Pengalaman semasa membolehkan pengamatan terhadap tema-tema aktiviti utama dalam kalangan pelancong. Malahan, melalui penerangan pihak berkepentingan di kawasan kajian, faktor keselamatan ternyata menjadi fokus utama kawalan pintu masuk di kedua-dua negara ini.



Padang Besar



Ban Danok



Durian Burung



Pengkalan Hulu



Rantau Panjang



Wang kelian



Betong



Betong

Rajah 4. Dimensi pandangan darat destinasi pelancongan sempadan

Jadual 2. Destinasi pelancongan sempadan Malaysia-Thailand

Kawasan Sempadan	Deskriptif
Padang Besar – Padang Basa (Sadao)	Merupakan lokasi paling popular bagi aktiviti membeli-belah terutama pada hujung minggu, cuti am dan cuti persekolahan. Ia terletak di bahagian timur laut Perlis. Aktiviti pelancong tertumpu di kompleks membeli-belah dan bebas cukai. Pintu sempadan dibuka setiap hari dari jam 6 pagi sehingga 10 malam.
Bukit Kayu Hitam – Ban Danok	Merupakan lokasi laluan utama yang menghubungkan kedua-dua buah negara Malaysia-Thailand. . Kebanyakan pelancong Malaysia dan Singapura mengunjungi pekan Danok dan beberapa bandar utama di selatan Thailand seperti Hat Yai, Songkhla, Patthalung, Phuket, Sadao dan Nakorn Si Thammarat untuk aktiviti membeli-belah, hiburan, makanan dan minuman, melawat lokasi alam semulajadi dan pulau-pulau. Pintu sempadan dibuka setiap hari dari jam 6 pagi sehingga 12 malam.
Wang Kelian – Wang Prachan	Lokasi ini terletak di Banjaran Nakawan yang menghubungkan Pekan Kaki Bukit (Perlis) dengan Satun (Thailand). Ia menjadi tumpuan pelancong terutama pada setiap Ahad kerana adanya Pasar Mingguan Wang Kelian yang terletak di kedua-dua belah sempadan.. Pintu sempadan dibuka setiap hari dari jam 8 pagi sehingga 7 malam.
Rantau Panjang – Sungai Golok/Kolok	Merupakan lokasi membeli-belah hujung minggu, cuti am dan cuti sekolah. Ia terletak di Jajahan Tanah Merah (Kelantan) dan Pekan Sungai Golok (Wilayah Narathiwat) yang dihubungi melalui jalan raya dan laluan keretapi. Sungai Golok merupakan sempadan yang memisahkan kedua-dua buah negara. Aktiviti pelancong tertumpu di kawasan kompleks membeli-belah dan bebas cukai. Pintu sempadan dibuka setiap hari dari jam 6 pagi sehingga 10 malam.
Pengkalan Hulu (Keroh) – Betong	Ia terletak di Daerah Hulu Perak dan Wilayah Yala. Majoriti pengguna terdiri daripada rakyat Thailand dan Malaysia. Beberapa kedai dan kompleks membeli-belah/bebas cukai dibangunkan di sepanjang laluan utama ke sempadan.. Pintu sempadan dibuka setiap hari dari jam 6 pagi sehingga 11 malam.
Pengkalan Kubur – Tak Bai	Merupakan lokasi membeli-belah terutama pada hujung minggu, cuti am dan cuti sekolah. Ia terletak di Jajahan Tumpat (Kelantan) dan Pekan Tak Bai (Wilayah Narathiwat). Sungai Golok merupakan sempadan yang memisahkan kedua-dua buah negara. Aktiviti pelancong tertumpu di kompleks membeli-belah dan bebas cukai. Pintu sempadan dibuka setiap hari dari jam 6 pagi sehingga 7 malam.
Durian Burung (Kota Putra) – Ban Prakob	pintu keluar-masuk baru yang menghubungkan kedua-dua buah negara yang terletak di Daerah Padang Terap (Kedah) dan Daerah Natawi (Wilayah Songkhla). Ia dibuka secara rasminya pada 20 Januari 2010 dan seramai 40,000 orang telah menggunakannya sehingga Julai 2010. Pecahan daripada jumlah itu, sebanyak 24,000 merupakan rakyat Thailand, 13,000 merupakan rakyat Malaysia dan selebihnya pelancong asing. Kemudahan disediakan terdiri daripada Kompleks Kastam, Kuarantin dan Imigresen (CIQ) dan kem tentera. Pintu sempadan dibuka pada jam 8 pagi sehingga 6 petang setiap hari.
Langkawi – Satun	Merupakan laluan yang menghubungkan pulau pelancongan dengan bandar di kawasan pantai barat Thailand. Feri merupakan mod pengangkutan yang menghubungkan kedua-dua lokasi ini. Pelancong perlu mengemukakan passport dan pas lawatan untuk merentasi kedua-dua lokasi dan sebanyak empat perjalanannya feri dalam sehari disediakan bermula jam 9.45 pagi sehingga 4.30 petang. Pintu sempadan dibuka setiap hari dari jam 8 pagi sehingga 7 malam. Beberapa destinasi lain boleh dikunjungi meliputi Ko Tarutao dan Ko Adan.

Sumber: Johan & Mohamad Zaki (2010)

Jadual 3. Jantina dan Destinasi Penulis Blog

Aspek	Jawapan	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	59	50.9
	Wanita	57	49.1
	Jumlah	116	100.0
Destinasi Sempadan	Malaysia	Thailand	
	Padang Besar	Danok	
	Bukit Kayu Hitam	Betong	
	Wang Kelian	Sadao	
	Rantau Panjang	Hatyai	
	Pengkalan Hulu	Munduk	
	Pengkalan Kubur	Sungai Golok	
	Durian Burung	Danok	

Dapatan kajian

Cirian destinasi pelancongan sempadan: Kesepaduan

a. Sempadan sebagai destinasi pelancongan dan peri-pentingnya keselamatan

Berdasarkan kajian, didapati konsep pelancongan sempadan merujuk kepada usaha menggalakkan kunjungan pelancong antara kedua-dua buah negara. Pintu masuk khususnya merupakan titik pertemuan antara pelancong dan ruang, satu pernyataan tentang kehadiran secara fizikal mereka di sesebuah destinasi. Memposisikan kehadiran mereka ke sesuatu destinasi melalui penulisan dan foto sempadan merupakan satu manifestasi keupayaan individu ataupun kelompok sosial mengunjungi sesebuah destinasi sempadan (Jadual 4).

Jadual 4. Definisi sempadan

Definisi oleh Sarjana	Definisi oleh Orang Awam
Sempadan atau batasan, tanda had undang-undang mengenai kedaulatan negara, atau garisan sehingga keadaan yang boleh menjalankan kuasanya. Dalam pelancongan, sempadan boleh menjadi semata-mata kepada dua kategori pengukuran; iaitu sebagai tarikan pelancongan di satu sudut, dan sebagai halangan untuk pelancongan yang lain.	<ul style="list-style-type: none"> • “Aakhirnya kita sampai juga ke sempadan Malaysia - Haadyai, Thailand bersama family semua. Bila agaknya sampai ke sini lagi, nak shopping lagi. Semalam tak puaslah bershopping sakan...hehehe. Banyak lagi barang kita tak sempat nak tengok... hehehe.” – N 75 • “Inilah Danok, Thailand.. Sempadan Malaysia Thai.. Sini juga.. orang Malaysia slalo datang nikah..:)” – N 19 • “Now, the Danok of today is vastly different from the sleepy Sadao. I used to glance at whilst passing it by many years ago. It is now a bonafide cowboy town with numerous hotels, karaoke joints, discotheques, music lounges, bars, spas and massage joints and, of course, brothels.” – N 27

b. Keunikan pengalaman membeli-belah dan makan minum

Tarikan sesebuah destinasi adalah satu aspek yang sangat penting dalam menentukan kunjungan pelancong. Faktor assessibiliti kemudahan asas dan utama dalam aktiviti melancong akan memastikan pelancong merasakan mereka akan dilayan dengan baik oleh pihak tuan rumah. Gabungan faktor

ketersampaian, kemudahan pertukaran matawang dan layanan hospitaliti yang baik dalam aktiviti utama mereka membolehkan pelancongan sempadan dilihat sebagai suatu destinasi yang mengarah kepada kesepaduan aktiviti dan antara pelancong pelbagai ras dan agama. Jadual 5 menunjukkan penulisan blog yang memberikan perspektif tarikan utama di destinasi sempadan Malaysia-Thailand.

Aktiviti membeli-belah, makan minum dan urusan keluar masuk yang dipermudahkan oleh pihak CIQ menjadi satu faktor yang menggalakkan kunjungan pelancong. Melalui analisis kandungan ke atas penulisan blog pelancongan sempadan, kajian ini mendapati perkara-perkara yang mendukung pelancongan sempadan adalah saling bergandingan. Penonjolan produk utama dalam pelancongan sempadan diperteguhkan lagi melalui pengalaman para penulis blog. Tidak dapat dinafikan aktiviti membeli-belah mendasari motif utama mereka mengunjungi daerah sempadan ini. ‘Kesenangan’ tawar menawar yang semakin lenyap dalam budaya membeli-belah di bandar-bandar lain masih kekal menjadi perkara yang diketahui dan dilalui oleh penggemar aktiviti ini.

Jadual 5. Beberapa tarikan utama destinasi pelancongan sempadan Malaysia-Thailand

Dimensi Pelancongan Sempadan	Diskriptif tarikan sempadan
Tawar-menawar dan membeli-belah	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilik kedai ini wanita Islam Thailand yang boleh berbahasa Melayu. Jika hendak memasuki kedai ini kami perlu menuruni tangga kerana ianya bawah dari aras jalan. Keadaan di kedai ini tidak begitu kemas dengan pakaian yang bersepah-sepah. Kami ingin membeli tshirt yang mencerminkan Thailand untuk dijadikan cenderahati untuk keluarga kami. Semasa proses tawar menawar dilakukan, kakak tersebut memberi harga tshirt L dari RM18 kepada RM15 manakala bagi saiz M dan S dari RM 15 kepada RM13
Makanan	<ul style="list-style-type: none"> • “Minuman yg dijual di sini diisi dlm bekas unik seperti dalam bekas buluh atau bekas tanah liat yg berbagai rupa dan harganya dlm rm 1.50. Klu rasa nak bwak balik buat kenangan elok beli bekas tanah liat...dibuat kenangan atau hiasan.” – N 11 • “Patung mcd di thai ชินดีต้อนรับ kap kum kap!!:) nice sangat.” – N 19 • “Ronald McDonald kat sini buat pose Sawadikaap!! I olls ternampak Mc Donald and terus beratur untuk membeli aiskrim. Aku beli Sundae Cone. Wehs...Mc Donald sini tak amik tax pun ke atas pembelian kita. Bukan macam kat Melesia. Hampeh.” - N 61 • “demographic and cultural different. The taste has been adjusted to suite Thailand people’s taste too. The chicken is smaller, the packaging design are different, the language used, the rounded square plate and also the way of eating KFC meal! While we (Malaysian) are using hand when eating KFC chicken, Thailand KFC provides their customer fork and knife to eat the chicken.” – N 34
Penginapan	<ul style="list-style-type: none"> • “The kind driver dropped us at MyGarden Hotel, one of the most convenient as what he recommended, RM60 per night, and we need to find dinner ASAP - too famished and too tired.” – N 106

Sumber: Analisis kajian, 2013

Selain membeli-belah, pengalaman makan minum di sini juga menjadi ikatan kepada kesepaduan pelancongan sempadan Malaysia-Thailand. Pengalaman baru bukan sahaja dialami oleh para penulis blog sebagai pelancong tetapi juga ingin dikongsikan kepada bakal pelancong baru. Promosi *word of mouth* aktiviti makan minum dilakukan dengan mengemukakan jenis makanan, murah nya harga dan di mana mudah diperoleh, menjadikan aktiviti ini menjadi tarikan kepada para pelancong. Makanan halal yang disediakan oleh penyaji Muslim dititikberatkan dan kunjungan ke destinasi pelancongan sempadan pada pandangan pelancong bukan satu yang berhalangan.

Satu lagi aspek yang mengarah kepada penggalakan aktiviti pelancongan sempadan ialah kelainan rasa dalam pelbagai aktiviti gastronomi atau makan minum. Dengan menawarkan makanan tempatan,

penyajian makanan antarabangsa juga menonjolkan unsur komoditi kepada cita rasa tempatan, dan ini jelas menjadi kegemaran dan perkara inilah yang mengikat pelancong ke destinasi ini.

c. Ketersampaian

Dalam pelancongan, ketersampaian masih berpengaruh dalam menentukan kunjungan pelancong. Kunjungan yang mudah dari segi mod pengangkutan dan urusan kastam dan keluar masuk antarabangsa adalah dua perkara pokok dalam ketersampaian. Malahan, melalui keunikan menggunakan sungai sebagai mod ke sempadan, destinasi sempadan tidak memerlukan kos yang tinggi. Malahan, dengan adanya pintu masuk setempat antara dua negara, kebanyakan pelancong tidak perlu mengambil masa yang panjang untuk mengunjungi destinasi.

Selain mod pengangkutan, ketersampaian kepada perkhidmatan pelancongan yang dibangunkan secara setempat meningkatkan lagi kesampaian dalam pelancongan sempadan. Sama ada menggunakan kenderaan sendiri atau hanya berjalan kaki dalam ruang bandar sempadan, aktiviti pelancongan sempadan menawarkan aspek ketersampaian yang tinggi kepada para pelancong sempadan. Keperluan makan minum, penginapan dan membeli-belah berada dalam ruang pembangunan setempat yang memudahkan pergerakan pelancong. Inilah yang mengekalkan kesepaduan dalam aktiviti pelancongan sempadan itu sendiri.

Cirian destinasi pelancongan sempadan: Konflik

a. Aktiviti kehidupan malam

Seperti aktiviti yang menggalakkan kunjungan ke sempadan, beberapa aktiviti yang kurang menyenangkan sebahagian segmen pelancong juga menimbulkan suasana bakal pelancong mengelak destinasi ini. Aktiviti kehidupan malam berbau maksiat menjadi faktor penghalang segmen pelancong tertentu seperti pelancong keluarga. Kebebasan aktiviti sosial walau bagaimanapun menarik minat pelancong untuk merakam kehadiran aktiviti ini. Luahan rasa pengalaman dan pemerhatian para penulis blog meyakinkan fenomena ini dikaitkan dengan pelancongan sempadan seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.

b. Lorong tikus

Jika kemudahan urusan keluar masuk menjadi tarikan kemasukan pelancong, satu hal yang bersifat kurang meyakinkan keselamatan pelancong adalah mudahnya pergerakan pelancong dan pengguna melalui *Lorong tikus*. Meskipun laluan ini hanya disifatkan popular dalam kalangan komuniti setempat, senangnya seseorang itu membolos pintu masuk bermakna longgarnya kawalan keselamatan di destinasi sebegini. Ini menjadikan pintu sempadan adalah satu kawasan pelancongan transit yang tidak menyenangkan pihak berkepentingan kerana wujudnya beberapa aktiviti pergerakan transaksi manusia dan barangan seludup hasil daripada dua negara. Ini bermakna para pelancong akan terdedah kepada sebarang kemungkinan ancaman keselamatan.

Jadual 6. Aktiviti pelancongan sempadan

Aktiviti	Desriptive Word-of-Mouth
<i>Nightlife</i>	<ul style="list-style-type: none"> • “Pemerhatian saya dari lawatan singkat ke Danok: • Antara dosa dan pahala atau jalan ke syurga dan neraka, hanya sebelah menyebelah. Terserah kepada kita nak pilih yang mana. Tiada orang paksa dan tiada orang yang tegah. • Ramai lelaki Melayu dari Malaysia sudah berada di sini. Sebab besoknya Jumaat, Kedah cuti. Hari Khamis malam Jumaat adalah untuk mereka berhibur. Mereka duduk-duduk dengan GRO sambil "minum-minum." Saya yakin mereka orang Melayu Malaysia.. Dia ingat kami dari JAWI kot !” - N 20 • “And expected from Thailand, the condom vending machine! 10 baht per condom. Cheap or expensive ? There are a lot of massage parlor over there too. LOL” – N 102 • “As you guys can see.. There are a lot of performance inside the club, its different from malaysia.. Besides their dance gal there is wearing damn sexy and they can even take off their cloths while dancing..RAWRRR ! Malaysia's government nt allow our country 2 do this huh but Thai does !..” – N 24 • “We walked in, they showed us backsides, so I show you backsides lo. Bf said since prostitution is legal in Thai, this kind of sight is very common. Gals in bikinis lining up on stage, parading like model. See the lady with flower garlands?” – N 104
Laluan Tikus	<ul style="list-style-type: none"> • “Waiting for the small boat or sampan to ferry them to Thai side. Golok River, which separate the Malaysia and Thailand border. Opposite is Thai village, mainly Malay villagers.” – N 39 • “Inilah bot yang membawa penumpang menyeberang ke Munduk Thailand. Jika dilihat memang tiada aspek keselamatan langsung. Mungkin juga para pembaca boleh mencuba sesuatu yang baru dengan cara berenang pula jika mampu” – N 77 • “Hampir ribuan ringgit wang Malaysia telah mencurah masuk ke Thai setiap minggu. Begitu juga para pengusaha bot galah memperolehi ribuan ringgit setiap minggu dengan mengangkut rakyat Malaysia menyeberangi Sungai Golok”. – N 111 • “Pengangkutan utama nak ke Munduk.. tambang RM2 pegi balik.. naik tak sampai 5 minit..” – N 112

c. Keseragaman tarikan pelancongan sempadan

Jika aktiviti membeli-belah dan makan minum serta kehidupan malam menjadi tarikan destinasi yang berada dalam sempadan Malaysia-Thailand, keseragaman sifat bandar sempadan bermula dari Padang Besar sehinggalah ke Rantau Panjang juga bakal menambah saling berkonfliknya identiti bandar sempadan sebagai destinasi pelancongan. Ini kerana, kelainan ciri sesebuah destinasi adalah di antara faktor destinasi dikunjungi. Faktor keseragaman destinasi menjadi penunjuk kurangnya daya tarikan destinasi dan ini menjadikan kunjungan adalah bersifat selektif. Meskipun jarak di antara destinasi ini secara relatifnya jauh antara satu sama lain, kurangnya kelainan cirian dan aktiviti pelancongan sempadan menimbulkan konflik antara satu destinasi dengan destinasi yang lain. Ditambah pula dengan perbezaan politik antara negeri, destinasi pelancongan sempadan hanya setakat idea perancangan sahaja, tetapi realitinya pembangunan infrastruktur pelancongan agak terhad.

Pelancongan sempadan: Ke mana arahnya - kesepaduan atau konflik

Daripada dapatan kajian yang dihuraikan di atas, pelancongan sempadan pada realitinya mempamerkan kedua-dua cirian pada mata pelancongan, iaitu kesepaduan dan konflik. Ini dapat diringkaskan seperti dalam Jadual 7 dan ulasan berikut.

Jadual 7. Pandangan pelancong terhadap destinasi pelancongan sempadan

Kesepaduan		Konflik
/	Bandar sempadan –pekan kecil di sempadan Malaysia -Thailand	
/	Peraturan masuk, pasport and kastam	
/	Bahasa, budaya dan hubungan sosial	/
/	Pengalaman istimewa dan unik	/
/	Membeli-belah dan mata wang	/
/	Mudah akses dan kebolehcapaian	
/	Kepuasan: Syurga makanan, Membeli-belah dan <i>Nightlife</i>	/

nota: / bermaksud keadaan ini ketara berlaku bagi kedua-dua situasi kesepaduan dan konflik atau hanya pada sebahagian pihak sahaja,

Bandar sempadan dalam konteks hubungan bilateral Malaysia-Thailand pada dasarnya adalah bandar-bandar kecil dengan aktiviti membeli-belah sebagai tarikan utama. Meskipun bandar sempadan di sebelah Malaysia ini kecil dari segi ruang aktiviti ekonomi, sosial dan budaya, namun di sebelah Thailand, ia lebih vibrant dan berjaya sebagai destinasi pelancongan sempadan perlu mendapat perhatian daripada pihak berkepentingan Malaysia bagi mengimbangi kesan pelancongan sempadan.

Peraturan dan urusan keluar masuk antara kawasan sempadan pada tanggapan pelancong adalah satu amalan perundangan yang tidak membebankan. Meskipun dapatan Johan & Zaki (2010) menegaskan kesesakan di CIQ memberikan tekanan kepada destinasi ini, keadaan ini kadang kala disederhanakan melalui pengalaman indah berada di sempadan misalnya bergambar bersama pihak berkuasa keselamatan yang menjadi bukti penerimaan merek terhadap peraturan yang diamalkan.

Bahasa atau loghat Siam dan ketersediaan penutur Bahasa Melayu dalam kalangan pihak tuan rumah di kawasan sempadan adalah sesuatu yang amat menyenangkan para pelancong. Kekurangan peniaga yang boleh bertutur dalam bahasa Melayu masih boleh diterima, dan urusan jual-beli dengan menggunakan komunikasi tempatan adalah suatu pengalaman setempat yang menjadi ingatan dan ‘buah mulut’ pelancong. Kelainan layanan dari segi makan minum menarik perhatian pelancong kerana para pelancong rata-ratanya mencari kelainan budaya dalam kehidupan dan amalan setempat mereka.

Selain itu, sesebuah kawasan atau destinasi kunjungan menawarkan pengalaman istimewa dan unik yang hanya terdapat di kawasan atau tempat kunjungan tersebut sahaja. Daripada kajian ini, dimensi ini mewujudkan kedua-dua situasi, mengarah kepada kesepaduan dan satu lagi, konflik. Ini kerana pengalaman unik dapat menarik kunjungan pelancong. Sementara pengalaman istimewa yang mendapat jolokan negatif daripada amalan kebiasaan boleh menimbulkan konflik kepada sesebuah destinasi. Jika hanya aktiviti pelacuran dan tidak bermoral sahaja yang terlalu mudah dan murah, ini akan menimbulkan pertentangan kepada amalan percutian, terutama dalam kalangan pelancong keluarga atau pelancong wanita.

Aktiviti membeli-belah sebagai tarikan utama juga mempamerkan kedua-dua situasi yang mengundang kesepaduan dan konflik dalam kalangan pelancong. Aktiviti membeli-belah di destinasi ini umumnya mempunyai jenama atau label murahan, tempat barangan tiruan dan syurga dunia lelaki adalah kurang disenangi oleh sebahagian besar pelancong famili dan pelancong riadah. Jenama barangan tiruan dan murah selalunya tidak mendapat perhatian para pelancong mewah. Malahan, dengan tren pelancongan kelas menengah yang sangat peka kepada jenama percutian, destinasi sempadan bukan pilihan jika status dan jenama mahal menjadi taruhan sebagai daya tarikan kunjungan.

Kesimpulan

Pelancongan sempadan, pada umumnya merupakan salah satu sektor yang semakin berkembang ekoran perluasan kehendak pelancong. Penawaran pelancongan sempadan di antara Malaysia-Thailand pada masa kini sesungguhnya mengesahkan dimensi yang mengarah kepada kesepaduan dan konflik, satu situasi yang masih dalam kawalan pihak berkepentingan. Faktor keselamatan adalah dimensi penting dalam membentuk kesepaduan destinasi pelancongan sempadan. Ini kerana faktor jaminan keselamatan adalah asas kepada aktiviti senggang yang lain, termasuk membeli-belah dan makan minum.

Dapatan ini juga memberikan suatu perspektif betapa penulisan maya daripada para pengunjung mempunyai pengaruh dalam menentukan acuan pelancongan sempadan bagi mencapai kesepaduan atau berkonflik. Namun dalam dimensi berkonflik dan berisiko, percubaan untuk mengunjungi destinasi ini masih tinggi terutama kepada bakal pelancong yang sukakan aktiviti berisiko dan keseronokan.

Bagi memastikan pelancongan sempadan memberikan impak yang saksama antara dua kawasan, usaha untuk mengenal pasti jurang yang ada dari segi jenama, identiti dan kelainan antara tempat adalah sangat relevan untuk mendapat perhatian dari segi perancangan semula dan pembangunan produk baru. Malahan, percubaan untuk berganjak daripada menawarkan produk konvensional – pelancongan sempadan iaitu dari hanya membeli-belah kepada suatu pendekatan pelancongan yang lestari dan bertanggungjawab adalah semakin relevan untuk direalisasikan oleh destinasi yang berada dalam lingkungan pengaruh dan ruang pelancongan sempadan.

Penghargaan

Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan FRGS/1/2013/SS08/UKM/02/1, yang diketuai oleh Prof. Dr. Er Ah Choy dan dana penyelidikan DPP-2013-169 Dana Pembangunan Penyelidikan PTJ FSSK, yang diketuai oleh Prof Madya Dr. Habibah Ahmad.

Rujukan

- Asan Ali Golam Hassan, Abu Sufian Abu Bakar, Tuan Marina Tuan Ibrahim (2009) Kajian impak penilaian sosio-ekonomi ke atas pembangunan pekan pelancongan Wang Kelian, Perlis. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (Perkem Iv)* Memacu Pembangunan Ekonomi Dalam Ketidaktentuan Persekutaran Global Kuantan, Pahang, 2-4 Jun 2009.
- ASEAN Tourism Strategic Plan 2011-2015. Available from: <http://www.asean.org/resources/item/asean-tourism-strategic-plan-2011-2015-2>.
- Blake J, Chiesa T (eds) (2013) *The Travel & Tourism Competitiveness Report 2013. Reducing Barriers to Economic Growth and Job Creation Insight Report*. World Economic Forum: SRO-Kundig, Switzerland.
- Blanke J, Chiesa T (2013) *The Travel & Tourism Competitiveness Index in detail (Malaysia & Thailand)*. *The Travel & Tourism Competitiveness Report 2013. Insight Report World Economic Forum*.
- Carson D, Macbeth J (2005) *Regional Tourism Cases: Innovation in Regional Tourism*. Common Ground Publishing Pty Ltd., Australia.
- Crozier MN (2011) *Cross-border tourism planning and development: the Case of the Lake Gariep Initiative*. Available from: <http://dspace.nmmu.ac.za:8080/jspui/bitstream/10948/1668/1/Marguerite%20Nicole%20Crozier.pdf>
- Din Abdul Kadir (2009) *Gazing at the border from Sintok: Images of the tourist space*. Symposium on Cross/Border Tourism within the context of Joint Development Strategy (JDS) Malaysia - Thailand, 6 April 2009, EDC, UUM. (Unpublished).

- Denizci TB (2010) Fashionable hospitality: A natural symbiosis for Hong Kong's tourism industry? *International Journal of Hospitality Management*, 29: 488–499.
- Eriksson GA (1979) Tourism at the Finnish-Swedish-Norwegian borders. *Meddelanden från Ekonomisk-Geografiska Institutionen, Handelshögskolan, Åbo Akademi*, (13).
- Fodness D (1994) Tourist shopping experiences and satisfaction. *Annals of Tourism Research* 21(3), 555–581.
- Gelbman A (2011) Border complexity, tourism and international exclaves: A case study. *Annals of Tourism Research* 38(1), 110-131.
- Gupta DR, Dada ZA (2011) Rehabilitating borderland destinations: A strategic framework towards cross-border tourism collaboration. *The Journal of Tourism and Peace Research* 2(1), 38-54.
- Habibah A (1994) Industri Pelancongan di ASEAN: Isu dan Cabaran. *Akademika* 44, 85-99.
- Habibah A, Hamzah J, Er AC, Buang A, Selvadurai S, Mushrifah I (2013) City-city tourism collaboration in the Straits of Malacca development region: Key success factors. *Asian Social Science* 9(13), 41-52.
- Herrman R, Belk L (1968) Shoppers' movements outside their local retail area. *Journal of Marketing* 32, 45–51.
- Johan Afendi Ibrahim, Mohamad Zaki Ahmad (2010) Pelancongan sempadan: Potensi dan cabaran. *Prosiding PERKEM V* 2, 260-272.
- Löytynoja T (2007) National boundaries and place-making in tourism: Staging the Finnish-Russian Border. *Nordia Geographical Publications* 36(4), 35–45
- Matznetter J (1979) Border and Tourism: Fundamental relations, [w:] Gruber G., Lamping H i in. (red.) *Tourism and Borders: Proceedings of the Meeting of the IGU Working Group – Geography of Tourism and Recreation*, Institut für Wirtschafts- und Sozialgeographie der Johann Wolfgang Goethe Universität, Frankfurt, pp. 61-73.
- Michalkó G, Váradi Z (2004) Croatian shopping tourism in Hungary: The case study of Barcs. *Tourism (Zagreb)* 52(4), 351-359.
- Oh JY J, Cheng CK, Lehto XY, O'Leary JT (2004) Predictors of tourists' shopping behaviour: Examination of socio-demographic characteristics and trip typologies. *Journal of Vacation Marketing* 10(4), 308-319.
- Rosenbaum MS, Spears DL (2005) Who buys that? Who does what? Analysis of cross-cultural consumption behaviours among tourists in Hawaii. *Journal of Vacation Marketing* 11(3), 235-247.
- Robertson J, Fennell J (2007) The economic effects of regional shopping centers. *Journal of Retail and Leisure Property* 6(2), 149–170.
- Ryan C (1991) *Recreational tourism*. A Social Science Perspective Routledge, New York.
- Saxena G (2008) Integrated rural tourism: A border case study. *Annals of Tourism Research* 35 (1), 233–254.
- Som M, Puad A, Mohamed B, Wong KY (2005) Tourism and political boundaries border markets as tourist attractions.
- Sullivan P, Bonn MA, Bhardwaj, V DuPont A (2012) Mexican national cross-border shopping: Exploration of retail tourism. *Journal of Retailing and Consumer Services* 19, 596 – 604.
- Taczanowska K (2004) The potentials for developing cross-border tourism between Poland and Slovakia in the Tatra Mountains. Working Papers of the Finnish Forest Research Institute 2.
- Tosun C, Temizkan SP, Timothy D, Fyall A (2007) Tourist shopping experiences and satisfaction. *International Journal of Tourism Research* 9, 87–102.
- Timothy DJ, Butler RW (1995) Cross-border shopping: A North American perspective. *Annals of Tourism Research* 22 (1), 16–34.
- Timothy DJ (1995) Political boundaries and tourism: Borders as tourist attractions. *Tourism Management* 16(7), 525-532.
- Weidenfeld A (2013) Tourism and cross border regional innovation systems. *Annals of Tourism Research* 42, 191–213.